

30 AUG 1999

Osu-Merdeka

TUMPUKAN FIKIRAN MAJUKAN SABAH, KATA OSU

KOTA KINABALU, 30 Ogos (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Osu Sukam hari ini mengajak rakyat Sabah supaya menumpukan fikiran sepenuhnya untuk menyumbang ke arah kemakmuran negeri ini dan mengelak sebarang sengketa yang boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi.

"Marilah kira bersama-sama melipatgandakan azam dan usaha kita untuk menjadikan negara dan bangsa kita mampu berdikari, mengurus negara sendiri dan mampu bersaing dengan negara-negara lain," katanya dalam perutusannya sempena sambutan ulang tahun Hari Kemerdekaan ke-42 esok.

Katanya banyak yang boleh dicapai jika rakyat meningkatkan azam serta terus bersatu dalam menghadapi sebarang cabaran dan ini dibuktikan dengan kejayaan negara mengatasi kemelut ekonomi yang dialami sebelum ini.

"Prestasi yang amat memberangsangkan ini tentunya tidak akan tercapai sekiranya rakyat negara kita tidak bersatu dalam menangani saat-saat genting demikian," katanya.

Rakyat Malaysia di Sabah, kata Osu, mengucapkan syabas kepada pemimpin-pemimpin negara yang diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas kejayaan menggubal satu formula untuk memulihkan ekonomi.

Osu turut mengajak rakyat negeri ini agar bersyukur dengan keamanan yang dinikmati di negara ini berkat usaha dan pengorbanan pemimpin negara ini serta sokongan padu rakyatnya.

"Rakyat negara kita telah terbukti mempunyai disiplin yang tinggi, dan walaupun dalam suasana yang amat mencabar, mereka berjaya mengawal diri daripada bertindak melampau dan liar," katanya.

Sambil menyatakan azam kerajaan untuk terus melengkapkan kemudahan asas kepada rakyat negeri ini, Osu juga berkata kemerdekaan membawa makna yang besar kepada negeri ini kerana ia telah memberi pelbagai peluang kepada penduduknya untuk memajukan diri.

-- BERNAMA

JS NMO